



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN HARI TANPA TEMBAKAU SEDUNIA 2026 PERINGKAT KEBANGSAAN DAN PELANCARAN PROGRAM IHH-KKM-PDRM LUNGSHIELD

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2026 Peringkat Kebangsaan dan Pelancaran Program IHH-KKM-PDRM Lungshield di Cyberjaya, hari ini.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memperkukuh komitmen untuk melindungi rakyat daripada bahaya rokok, vape dan ketagihan nikotin, khususnya dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan golongan muda.

Penganjuran majlis ini menandakan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkukuh sistem kesihatan negara yang lebih inklusif, mampan dan berfokus kepada kesejahteraan rakyat.

Tema sambutan pada tahun ini iaitu *Unmasking the Appeal, Countering Nicotine and Tobacco Addiction* menekankan kepentingan membongkar tarikan palsu produk tembakau dan nikotin yang sering dipromosikan sebagai moden dan kelihatan tidak berbahaya. Produk ini boleh menyebabkan ketagihan, menjejaskan kesihatan termasuk kesihatan paru-paru serta memberi kesan jangka panjang kepada masa depan generasi muda.

Pelaksanaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] merupakan langkah penting negara dalam mengawal selia produk merokok termasuk vape dan rokok elektronik. Akta ini bertujuan melindungi kesihatan awam, mencegah ketagihan nikotin dan memastikan kesihatan rakyat sentiasa diutamakan.

Program IHH-KKM-PDRM LungShield merupakan program kerjasama strategik antara IHH Healthcare Malaysia, KKM dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memperkukuh pengesanan awal penyakit paru-paru terutama kanser paru-paru melalui saringan X-Ray dada menggunakan kecerdasan buatan atau *AI-assisted chest X-Ray* di kalangan anggota polis yang akan melibatkan 10,000 anggota polis trafik dalam fasa awal pelaksanaan inisiatif ini.

Kanser paru-paru merupakan cabaran kesihatan yang serius kerana sering dikesan pada peringkat lewat. Justeru, pengesanan awal amat penting bagi membolehkan rawatan dimulakan awal, meningkatkan kelangsungan hidup serta mengurangkan beban kepada pesakit serta keluarga.

KKM menyeru agar semua pihak termasuk ibu bapa, guru, anggota penguatkuasa, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan media untuk bersama-sama melindungi generasi muda daripada ketagihan nikotin serta menyokong usaha berhenti merokok dan vape melalui perkhidmatan berhenti merokok yang disediakan, termasuk sokongan digital seperti Cik Era AI. Berhenti merokok bukan sesuatu yang mudah, namun ia boleh dicapai dengan sokongan yang tepat.

KKM ingin merakamkan penghargaan kepada IHH Healthcare Malaysia, PDRM, Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia, agensi penguatkuasaan, profesional kesihatan, pertubuhan masyarakat sivil serta semua rakan strategik yang menjayakan inisiatif ini bagi mencegah ketagihan, melindungi kesihatan paru-paru dan membina Malaysia yang lebih sihat.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
10 MEI 2026

